

KENALI UBAT ANDA



**Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia**
Lot 36, Jalan Universiti,
46350 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

National Pharmacy Call Centre
• 1800-88-6722 (NPCC)
• www.pharmacy.gov.my
• www.knowyourmedicine.gov.my

■ Edisi Keempat 2012



Hak Anda Sebagai Pengguna



Untuk Memastikan Ubat Itu Tulen Semua Ubat Mesti Ada

NOMBOR PENDAFTARAN

8 digit nombor pendaftaran diikuti dengan abjad, contoh :

MAL 12345678X Ubat OTC ditanda huruf " X "

MAL 23456789A Ubat terkawal ditanda huruf " A "

MAL 34567891T Ubat tradisional ditanda huruf " T "

MAL 12345678N Ubat suplemen kesihatan ditanda huruf " N "



LABEL HOLOGRAM MEDITAG

Semua ubat perlu mempunyai hologram meditag yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

(Ketulenan hologram Meditag™ boleh disahkan melalui alat DEKODER HOLOGRAM MEDITAG™ yang terdapat di kedai farmasi)



Untuk pengesahan nombor pendaftaran, layari :

www.bpfk.gov.my

Klik pada registered product search quest 2 atau quest 3.



Fahami Label

Butiran yang perlu ada pada label sampul ubat :



Nama penuh ubat : Mefenamic Acid 250mg


Nama dan alamat pihak pembekal/penjual (klinik atau farmasi) : KLINIK JOM
SHORLOT NO.3 BLOK A, KOMPLEK BANDAR DAMANSARA
JALAN BAHARU, 81100 KOTA DAMANSARA, SELANGOR
TEL. 03-233 5555 FAKS. 03-233 678

Nama pesakit : NAMA : Ali bin Abu

Nombor rujukan pesakit : TARIKH : 24/9/2004 R/N : 723/2004

Arahan/cara pengambilan ubat yang lengkap : Mekan : 1 Biji Pil Kapsul 3 Kali Sehari Sebelum / Selepas Makan
Take : 1 Tablets Capsules 3 Times Daily Before / After Food

Label "UBAT TERKAWAL/ CONTROLLED MEDICINE" (untuk ubat terkawal sahaja) : Ubat Terkawal / Controlled Medicine



Nama generik (bahan aktif) : ACE

Jenama : ABCDEF 10

Kekuatan (kuantiti bahan aktif) : 10mg

Nombor kelompok : MAL 20000000A

Tarikh dibuat : Batch No / Lot : D4444
Mfg : Mar 2006
Exp : Feb 2007

Tarikh luput : Exp : Feb 2007

No. pendaftaran yang diluluskan oleh KKM : MAL 20000000A

Dos (maklumat lanjut boleh didapati daripada risalah ubat) : Setiap biji mengandungi : Ace 10mg
• Dos : Mengikut arahan doktor. Sila rujuk risalah yang dikembarkan
• Kegunaan/Indikasi ubat : (Seperti yang dinyatakan pada label)
• Simpan di bawah 25 c
• Lindungi daripada cahaya matahari dan kelembapan
JAUHI DARI KANAK-KANAK.

Kegunaan ubat : (Seperti yang dinyatakan pada label)

Cara penyimpanan : Simpan di bawah 25 c

Hologram Meditag : (Image of a blue pill bottle)

Kebaikan Ubat

- 1 Mengawal Penyakit**
Contoh : Kencing manis, Darah tinggi.
- 2 Melawan Jangkitan**
Contoh : Radang paru-paru (Antibiotik).
- 3 Mencegah Penyakit**
Contoh : Polio, Kancing gigi (Vaksin).
- 4 Mempercepatkan Penyembuhan Penyakit**
Contoh : Luka, Kecederaan.
- 5 Merawat Penyakit**
Contoh : Sakit perut, Sakit mata.
- 6 Melegakan Gejala Penyakit**
Contoh : Bengkak Sendi, Sakit kepala, Batuk, Alahan.



Risiko Penggunaan Ubat Tanpa Kawalan



KEBERGANTUNGAN UBAT

Penggunaan ubat tertentu secara berpanjangan mungkin menyebabkan kebergantungan ('dependent').

Ketahui dos dan tempoh rawatan yang boleh diambil tanpa mengakibatkan kebergantungan. Tanyalah ahli farmasi/doktor.



KESAN SAMPINGAN

Seriusnya kesan sampingan bergantung kepada jenis ubat dan individu yang mengambilnya. Sesetengah kesan adalah ringan dan sekiranya serius mungkin memerlukan penggantian dengan ubat lain.

Ketahui kesan sampingan yang mungkin dialami sebelum mengambil sebarang ubat dengan membaca label dan rujuk kepada ahli farmasi/doktor. Laporkan kesan sampingan dan reaksi alahan kepada ahli farmasi/doktor.



INTERAKSI UBAT

Interaksi ubat boleh berlaku antara:

- Ubat dengan ubat
- Ubat dengan makanan
- Ubat dengan penyakit

Beritahu ahli farmasi/doktor semua jenis ubat yang anda ambil. Patuhi arahan penggunaan ubat.



Panduan Penggunaan Ubat Yang Selamat

ANDA DIGALAKKAN



- Rujuk ahli farmasi/doktor serta merta jika mengalami reaksi luar biasa terhadap sesuatu ubat. (Simpan nombor telefon hospital, farmasi dan doktor anda di tempat yang mudah dilihat).
- Ambil ubat mengikut selang masa yang ditetapkan. Jika terlupa, **jangan gandakan dos.**
- Semak tarikh luput, perubahan warna dan keadaan fizikal ubat.
- Pulangkan ubat yang lama, rosak dan luput ke farmasi di hospital/klinik kesihatan kerajaan.
- Bincang dengan ahli farmasi/doktor sebelum mula atau berhenti mengambil ubat.
- Pastikan ubat yang diterima adalah betul. Jika rupa/bentuk/warna berbeza, dapatkan kepastian daripada ahli farmasi.


ANDA PERLU ELAKKAN



- **JANGAN** campur pelbagai jenis ubat dalam satu bekas.
- **JANGAN** tukar bekas ubat ke dalam bekas lain kecuali setelah mendapat nasihat daripada ahli farmasi/doktor.
- **JANGAN** berkongsi ubat dengan orang lain walaupun mengalami gejala yang sama.
- Elakkan mengambil ubat dalam keadaan gelap untuk mengelakkan kesilapan.
- Elakkan mengambil ubat jika anda tidak faham cara penggunaannya.
- Elakkan mengambil minuman beralkohol bersama ubat.



Gara Penyimpanan Ubat Yang Selamat



SIMPAN

Ubat mengikut suhu :

Dalam ruang tengah peti sejuk - **2-8 °C**

Tempat dingin (bukan peti sejuk) - **8-15 °C**

Suhu bilik - **15-30 °C**



JAUHKAN

Ubat daripada kanak-kanak.



JANGAN

Simpan sebarang ubat dalam peti sejuk kecuali diarah berbuat demikian.



JANGAN

Simpan ubat di dalam bilik mandi.

ELAKKAN

Simpan ubat ditempat yang terdedah kepada cahaya matahari atau haba.
(Contoh : di dalam kereta, di atas peti sejuk)



ASINGKAN

Ubat makan dari ubat untuk kegunaan luar.



JANGAN

Simpan ubat di dalam kereta.



JANGAN

Simpan ubat yang luput, rosak dan hilang label.



Kad Alahan Ubat

No. Siri DAC -

Kad Alahan Ubat

Nama _____

No. K/P _____

Nama Ubat	Reaksi Alahan

Peringatan

Sila bawa dan tunjukkan kad ini semasa mendapatkan rawatan atau bekalan ubat-ubatan.
(Please bring and show this card when getting medication or seeking treatment)

Pendekatan: Kad ini adalah untuk maklumat dan panduan sahaja. Kementerian Kesihatan Malaysia tidak bertanggungjawab atas sebarang kesalahan/keseruan yang melibatkan kad ini. Disclaimer: This card is for information and guidance only. Ministry of Health Malaysia will not hold any responsibility on any release of the card.

Tarikh kad dikeluarkan: _____

Dikeluarkan oleh: _____

Kementerian Kesihatan Malaysia

Apakah itu alahan ubat?

- Alahan ubat merupakan kesan yang tidak diingini berpunca daripada kesan hipersensitif terhadap ubat yang diambil.
- Reaksi alahan kepada ubat-ubatan tidak berlaku kepada semua orang.

Apakah tanda-tanda alahan ubat?

- Alahan kepada ubat boleh berlaku pada tahap yang berbeza.
- Alahan ringan adalah seperti :
 - Ruam
 - Gatal pada kulit atau mata
 - Bengkak pada bibir, lidah, mata atau muka
- Alahan tahap serius melibatkan organ utama badan dan boleh mengancam nyawa.

Tujuan kad alahan ubat diberi pesakit

- Membantu anggota kesihatan untuk mengenal pasti maklumat alahan ubat yang dialami dan mengelakkan pesakit daripada mengambil ubat-ubatan yang boleh menyebabkan alahan.
- Mendidik pesakit agar memainkan peranan untuk mengelakkan kejadian kesilapan pengubatan.

Tanggungjawab pemegang kad alahan ubat

- Bawa kad alahan ubat bersama-sama setiap masa.
- Tunjukkan kad alahan ubat kepada doktor, doktor gigi, ahli farmasi, jururawat atau anggota kesihatan lain setiap kali mendapatkan rawatan atau bekalan ubat.
- Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi jika ada sebarang keraguan mengenai ubat-ubatan anda.

KESELAMATAN PENGUBATAN - TANGGUNGJAWAB BERSAMA